

28 FEB 1996
ASK - Dividen
ASK BAYAR DIVIDEN 12 PERATUS

LANGKAWI, 28 Feb (BERNAMA) -- Amanah Saham Kedah Berhad (ASK) hari ini mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 12 peratus kepada lebih 25,000 pelabur bagi tahun kewangan pertamanya.

Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, ketika mengumumkannya di sini, berkata kadar itu membuktikan kemampuan tabung amanah itu dalam mencapai matlamat untuk mengangkat martabat masyarakat.

Beliau menasihati para pelabur supaya membuat pelaburan tambahan daripada dividen yang akan diterima itu.

Osman, yang juga Pengerusi ASK, memberitahu persidangan berita selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di pejabat daerah Langkawi bahawa tabung amanah itu mencatatkan keuntungan bersih RM13.856 juta hasil urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pasaran wang.

Katanya, ASK melabur dalam 38 buah syarikat pelbagai sektor dengan kos pelaburan bernilai RM94.3 juta.

Daripada jumlah itu, 19.47 peratus dilaburkan dalam saham sektor perladangan, 19.47 peratus lagi dalam hartanah, 11.29 peratus barangan industri, 6.54 peratus dalam saham Papan Kedua, 4.57 peratus perdagangan dan perkhidmatan, 3.23 peratus barangan pengguna dan 1.93 peratus dalam saham sektor pembinaan.

Osman berkata, baki tunai pula dilaburkan dalam pasaran wang melalui institusi kewangan yang menawarkan sistem perbankan Islam.

Sejak dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 27 Feb tahun lepas, sebanyak 110.2 juta unit daripada 200 juta saham ASK telah dilanggni 25,705 pelabur individu dan korporat.

Osman berkata, sebanyak 57.38 peratus daripada pelabur ASK adalah golongan petani, nelayan, peneroka, peniaga kecil, pesara dan suri rumah dan sebahagian besar daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan.

Beliau berkata kemampuan ASK untuk membayar dividen yang sebegitu tinggi membuktikan bahawa tabung amanah itu berdaya maju, sekaligus menolak anggapan sesetengah pihak yang pada mulanya sangsi dengan keupayaan ASK untuk memberikan pulangan yang lumayan.

Peningkatan harga, katanya, jelas menunjukkan ASK adalah antara tabung amanah yang menunjukkan prestasi cemerlang.

Harga unit ASK yang meningkat sejak pelancarannya hingga 13 Feb lepas adalah satu pencapaian yang memuaskan, katanya.

Daripada harga tawaran RM1 seunit, ASK meningkat kepada paras tertinggi RM1.36 pada 3 Feb lepas tetapi susut kepada RM1.34 pada 13 Feb sebelum urusniaganya digantung bagi tujuan pengiraan dividen.

Sementara itu, Ketua Eksekutif ASK Norhalim Ahmad berkata para pelabur dijangka menerima dividen pada minggu ketiga bulan Mac ini dan urusan dijadualkan selesai dalam tempoh dua bulan.

Pembayaran dividen 12 peratus itu membabitkan RM13.32 juta.

Selain itu, beliau berkata ASK sedang mengatur pelbagai aktiviti untuk membabitkan penyertaan lebih banyak golongan miskin dalam tabung itu.

Antaranya ialah Program Semai Budi yang mana ASK akan mengagihkan saham-saham bernilai RM8 juta kepada pelabur miskin.

Tabung amanah juga bercadang untuk memberi sumbangan berupa saham ASK kepada tabung masjid-masjid di seluruh negeri, katanya. -- BERNAMA

ZI AKD